

Ruj.Kami : ANM.PK.A 600-1/8 JLD2 (27)

Tarikh : 27 APRIL 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PERINGATAN BIL 03/2023: BILANGAN EFT DITOLAK / CEK TERBATAL
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 31 MAC 2023 YANG BELUM DIGANTI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018 (SPANM BIL. 7/2018) Tatacara Pengurusan Bayaran bertarikh 24 Oktober 2018 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan mulai Januari 2018, EFT dan cek batal perlu diganti oleh pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan merujuk kepada **perihal 2.2 dan 3.1.1(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab** seperti pada Lampiran F, SPANM Bil. 7/2018. Maklumat penolakan Cek/EFT perlu dijana secara harian dengan menjana Laporan Cek/EFT Batal belum Diganti melalui portal iGFMAS.

3. Makluman dan perincian tatacara kunci masuk bayaran balik EFT boleh diakses pada arkib berita Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak dengan merujuk kepada tajuk-tajuk seperti di bawah:-

- i. Garis Panduan Tatacara Pengurusan EFT Ditolak / Cek Terbatal;
- ii. Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak; dan
- iii. Maklumat Tambahan : Tatacara Kunci Masuk Bayaran Balik EFT Ditolak

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk memastikan pegawai di PTJ membuat penggantian **SEGERA** bagi memastikan bilangan EFT Terbatal diminimakan. Sila abaikan notis ini jika tindakan penggantian/ pelarasan EFT Ditolak/ Cek Terbatal telah diambil.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Madhavi a/p Arumugam melalui 05-2462151. Bersama ini dilampirkan senarai bilangan EFT Ditolak / Cek Terbatal mengikut PTJ untuk rujukan dan tindakan. Komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

UNIT AKAUN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PERAK